

# Korea Selatan dan Syngman Rhee

**Semboyan:**

**Korea Selatan, Korea Utara,  
Dua negara satu bangsa  
Berpecah kamu kemahuan dunia  
Tak pernah aman semenjak purba  
Kini boneka dua raksasa.**

**Syngman Rhee**



## Tinjauan Luar Negeri

(oleh: A. B. Husni)

Belum lagi selesai kisah Afrika Selatan dengan politik apartheid Hendrik Verwoerd dalam kancuh perbincangan siasah dunia, maka dalam bulan April 1960, terbitlah kejadian-kejadian yang mengerikan dunia pula, kini di bahagian Asia iaitu di Korea Selatan, di dalam kejadian mana 200 orang mahasiswa dan orang-orang biasa mati terbunuh dan 748 orang warganegara yang mendapat cedera.

Dengan serta-merta timbul pertanyaan di hati kita, apakah yang menyebabkan maka kejadian-kejadian itu berlaku?

Dalam satu hal ada persamaannya dengan kejadian yang

berlaku di Afrika Selatan, yakni rakyat berkehendakkan supaya keadilan tetap berlaku dan demokrasi tetap terpelihara.

Sebelumnya kita mengupas kejadian-kejadian yang berlaku pada bulan April yang lalu di Korea Selatan, ada baiknya pada pendapat penulis, supaya kita tinjau keadaan negeri itu, baik tentang hal sejarahnya mahu pun tentang keadaan ekonomi dan ilmu buminya.

Korea atau Joseon, Semenanjung di Asia Timur dibatasi oleh laut kuning, sebelah Korea, Laut

Jepun dan Manchuria. Tanahnya bergunung-gunung. Pada musim

dingin iklimnya dingin dan kering, pada musim panas iklimnya panas dan lengas. Mata pencariannya yang terpenting ialah pertanian. Hasil terpenting ialah beras, gandum, kacang, sagu dan kapas. Selanjutnya dipelihara ulat sutera.

Juga terdapat penternakan dan perikanan. Tanahnya banyak sekali mengandung besi dan arang batu. Juga emas, *tungsten* dan *mica*. Industrinya menghasilkan tenaga listrik. Barang-barang eksport yang terpenting ialah beras dan pelikan-pelikan. Pada tahun 1944 Semenanjung Korea mempunyai penduduk lebih dari 25 juta jiwa, dan lebih dari 15 juta jiwa di antaranya tinggal di Korea Selatan, yakni daerah di sebelah lintang utara 38 darjah, yang luasnya 95,192 kilometer, pada bulan September 1946 jumlah penduduk Korea Selatan adalah 19 juta jiwa. Pada akhir bulan Jun 1948 menurut taksiran penduduknya bertambah menjadi 20,300,000 jiwa.

Kota-kota yang terpenting di Korea Selatan ialah ibu negerinya Seoul yang berpenduduk 1,200,000 jiwa, Busan (400,000), Taegu (269000) dan Incheon (216,000). Ibu negeri Korea Utara ialah Haiju atau Pyongyang (286,000).

### Sejarah Korea

Menurut sejarah Korea, masyarakatnya telah mulai dibangun oleh Raja Tan – guna pada tahun 2333 sebelum Masihi dan pada tahun 1122 sebelum Masihi terbentuklah kerajaan Joseon yang pertama di bahagian Barat Laut Korea oleh Raja Ki – Ja. Raja-raja keturunan Ki – Ja ini memerintah sampai lama sekali dan dapat meluaskan kerajaan itu ke arah barat dan selatan dan Manchuria Selatan, akan tetapi pada tahun

108 sebelum Masihi Joseon diduduki China.

Pada tahun 57 sebelum Masihi sehingga 668 sesudah Masihi di Korea didapati tiga buah kerajaan:

1. Goguryeo di bahagian Barat Laut, 2. Silla di bahagian Tenggara dan 3. Baekje di bahagian Barat Daya.

Ketiga-tiga kerajaan itu sering saling berseteru dan seringkali China turut campur tangan. Dalam abad yang keempat agama Buddha berkembang mula-mula Goguryeo dan kemudian juga di bahagian yang lain-lain. Pada akhir pemerintahan ketiga buah kerajaan itu, dengan bantuan China, Silla menaklukkan Goguryeo dan Baekje dan memperoleh kekuasaan di seluruh semenanjung Korea.

Dari tahun 935-1392 keluarga raja Goguryeo dimulai dengan Raja Wang – guna memerintah seluruh Korea dengan mengubah pusat kedudukannya di Songdo di Korea Tengah, kemudian ibu kota itu dipindahkan ke Kota Seoul (Hanyang), yang dibangun sebagai kota yang baharu. Dalam tahun 1125 Korea diduduki oleh bangsa Monggol, yang mana kemudian bangsa ini bersatu dengan bangsa Korea menyerang Jepun pada tahun 1275 dan 1282 tetapi gagal. Pada tahun 1392 Panglima Yi Taejo menggulingkan keluarga raja-raja Goguryeo dan mengangkat dirinya sebagai raja dengan menjadikan Seoul tetap menjadi ibu kotanya. Keluarga dari raja-raja Yi ini memerintah di Korea dan jajahan takluknya mulai dari tahun 1392 sehingga 1910. Dari tahun 1506 - 1544 dalam masa pemerintahan Raja Chung Jong, Korea mencapai puncak kerajaan yang gemilang. Meskipun dalam tahun 1592-1598 Korea diduduki oleh Jepun, akan tetapi kaum penyerbu dapat diusir dengan bantuan China, demikian juga penyerbuan dari bangsa

Manchu – Monggol ke Korea pada tahun 1627 dapat digagalkan. Agama Kristian mula-mula masuk di Korea ialah pada tahun 1776. Pada tahun 1876 diperbuatlah perjanjian persahabatan yang pertama dengan Jepun, dan tahun 1882 Korea mengikat perjanjian dengan Amerika Syarikat, pada tahun 1886 dengan Russia dan pada tahun 1887 dengan Perancis. Pada tahun 1894 terjadi pemberontakan di Korea Selatan dan tentera China menduduki Seoul. Tahun 1894-95 perang antara Tiongkok – Jepun untuk merebut kekuasaan di Korea dan tahun 1904-1905 terjadilah perang antara Jepun-Russia.

Pada perjanjian Portsmouth tahun 1905 Korea menjadi protektorat Jepun dan tahun 1906 Jepun mengambil Korea sebagai daerah jajahannya sendiri. Sehabis perang dunia pertama, pada tahun 1919, diadakan pembentukan pemerintahan Korea sementara di China. Pada masa perang dunia kedua pada tahun 1942 Korea dimasukkan lagi dalam wilayah Jepun, akan tetapi pada 1 Disember 1943 Amerika Syarikat, Britain dan China menyatakan di Kaherah, bahawa kalau sudah tiba waktunya, Korea akan menjadi bebas dan merdeka. Pada 26 Julai 1945 pernyataan Potsdam, mengesahkan pernyataan Kaherah; tentera Amerika mendarat di Korea Selatan untuk melucuti tentera Jepun yang berada di sebelah selatan lintang utara 38 darjah. 9 September 1945, Russia, Amerika Syarikat dan Britain, kemudian juga Tiongkok sepakat untuk mengadakan “Trusteeship” mengenai Korea dan untuk membentuk suatu badan yang anggota-anggotanya terdiri dari wakil-wakil Amerika Syarikat dan Rusia, badan tersebut

bertugas membentuk pemerintahan Korea sementara.

Pada tahun 1946, perundingan-perundingan yang diadakan oleh badan itu gagal, dan dibentuklah Dewan Legislatif Interim Korea di Korea Selatan (12 Disember). 17 Mei 1947 pembentukan pemerintah sementara Korea Selatan; 14 November keputusan rapat umum Bangsa-bangsa Bersatu mengenai pembentukan pemerintah Korea sementara dengan pemilihan umum secara bebas dan rahsia di seluruh Korea dan selanjutnya penarikan tentera asing. Pada 8 Januari 1948 badan sementara mengenai Korea untuk mengawasi pemilihan umum tiba di Seoul dan 10 Mei hanya di Korea Selatan diadakan pemilihan umum; 31 Mei diadakan rapat yang pertama Dewan Perwakilan Nasional di Korea Selatan. 12 Julai Undang-Undang Dasar Republik Korea Demokrat diterima dan 20 Julai 1948 Syngman Rhee dipilih sebagai *President* Republik Korea Selatan. 15 Ogos pelantikan pemerintah Republik Korea Selatan.

Di Korea Utara diadakan pemilihan umum untuk Dewan Rakyat Tertinggi pada 25 *August*. Pada 9 September pembentukan Republik Rakyat Demokrat di Pyongyang yang menuntut wilayah kekuasaan di seluruh Korea. Dalam bulan September 1948 semua tentera asing ditarik dari Korea.

Pada 25 Jun 1950 terjadilah permulaan perang saudara di Korea antara Korea Utara dan Selatan. Tentera Korea Utara dipukul mundur oleh tentera Bangsa-bangsa Bersatu sampai ke Sungai Yalu; hal ini mengakibatkan turutannya serta tentera China berperang di pihak Korea Utara (Bulan Oktober).

1951 Jeneral MacArthur dipecat sebagai pemimpin tertinggi tentera Bangsa-bangsa Bersatu dan diganti oleh

Ridgway (bulan April); keadaan perang stabil, kerana kekuatan kedua belah pihak seimbang. 27 Julai 1953 diadakan perletakan senjata.

Pada 27 April 1954 diadakan *conference* di Geneva; perang berakhir, tetapi penyelesaian masalah Korea tidak tercapai.

Begitulah keadaan serba ringkas dari Semenanjung Korea itu, yakni terpecah dua: Di sebelah utara mulai dari lintang utara 38 darjah ke atas ialah negara Korea Utara, yang berfaham kiri dan bersekutu dengan pemerintah *communist* Tiongkok. Di sebelah selatan mulai dari lintang utara 38 darjah ke bawah adalah negara Korea Selatan yang berfaham kanan dan mendapat sokongan istimewa dari Amerika Syarikat. *President* dari Korea Selatan ialah Syngman Rhee. Syngman Rhee lahir pada tahun 1875. Beliau adalah ahli politik bangsa Korea dan sangat anti kepada Jepun. Selama perang dunia yang kedua ia tinggal di Washington, sambil berusaha untuk memperoleh pengakuan Amerika terhadap kemerdekaan *president* pertama dari Republik Korea Selatan. Kerana bantuan Amerika ia tetap menjawat pangkat *President* Korea Selatan sesudah gencatan senjata di Korea. Sehingga tahun ini maka sesudah 12 tahun telah dia menjawat pangkat *president*, dia tetap sahaja terpilih kembali. Tapi yang ganjilnya tiap-tiap calon yang menyainginya sebagai *President*, orang ini mati tiba-tiba atau menarik diri.

Rakyat Korea mengetahui, bahawa ada undang bersembunyi di sebalik batu di dalam hal pemilihan-pemilihan umum yang dilangsungkan di Korea, tetapi rakyat belum berani bertindak.

Pada hari Rabu 6 April 1960 lebih dari 5000 orang rakyat Korea menunjuk perasaan dan mereka itu berbaris menuju istana *President* di Seoul meminta supaya *President* Syngman Rhee dan pemerintahnya menarik diri. Tetapi polis bertindak dengan mempergunakan belantan-belantan dan di dalam pergeseran ini yang berjalan hanya beberapa minit lamanya polis menangkap 4 orang penunjuk-penunjuk perasaan.

Kemudian para penunjuk perasaan itu, termasuk di dalamnya anggota-anggota Dewan Rakyat dari Parti Demokrat yang menentang, berkumpul di ruangan balai kota dan menuntut supaya Syngman Rhee diminta berhenti, kerana mengadakan pemilihan-pemilihan umum yang tidak sah. Sesudah itu mereka berbaris melalui jalan-jalan dan lorong-lorong dengan diiringi oleh mahasiswa-mahasiswa dan pelajar-pelajar serta warga negara yang lain dengan membawa papan-papan dan panji-panji sambil berteriak “Pemerintah Syngman Rhee Berhenti” dan “Adakan Pemilihan Umum Kembali”. Polis dapat mententeramkan keadaan kembali dan hanya itulah sahaja diberitakan dalam surat khabar-surat khabar pada hari itu.

Berita yang kedua berkenaan tunjuk perasaan itu tersiar pada hari Isnin 18 April 1960. Mahasiswa-mahasiswa dan pelajar-pelajar menunjuk perasaan di seluruh bahagian dari Seoul dan tentera mulai mengadakan tembakan. Tunjuk perasaan itu dimulai oleh kira-kira 150 orang guru-guru dan pendidik-pendidik membantah atas tindakan-tindakan pemerintah berkenaan dengan pemilihan umum. Tetapi tunjuk perasaan ini semakin besar, kerana mahasiswa-mahasiswa dan pelajar-pelajar serta rakyat yang lain pun ikut pula serta. Penembakan-penembakan mulai terjadi ketika kira-kira 10,000 orang pelajar-pelajar berkumpul di lapangan City Plaza dan

berteriak “Mari pergi ke Kedutaan Amerika dan mari kita jelaskan kehendak kita”. Ketika terjadi penembakan-penembakan itu, kumpulan itu bercerai-berai dan berpecah, ada yang menuju ke Kedutaan Amerika, ada yang menuju di rumah Tuan Lee Ki Poong, Naib *President*. Tentera bersenjata, *tank-tank* dan bom-bom gas air mata dipergunakan, tetapi tak ada berita kemalangan yang diterima dari Korea pada hari itu.

Kemudian muncullah hari Selasa 19 April, hari yang sangat sedih untuk sejarah Korea Selatan. Pada hari itu tunjuk perasaan terjadi lagi, kini dengan lebih hebat lagi dari 18 April. 100,000 orang rakyat menunjuk perasaan di Busan, di Taegu, di Gwangju, di Taejon, dan di Masan. Rakyat di Seoul, yang mana kebanyakannya dipimpin oleh para mahasiswa-mahasiswa, menyerbu istana *President* Syngman Rhee, gedung-gedung pemerintahan, balai-balai polis, pejabat-pejabat surat khabar-surat khabar dan mulai membakar beberapa buah rumah dan gedung. Tentera-tentera pemerintah dan kereta-kereta kebal, menembak membabi buta dapat memundurkan gerombolan-gerombolan pemberontak itu dengan korban-korban yang besar, akan tetapi gerombolan-gerombolan itu sentiasa masih terus menyerang dan menyerang kembali. Pada hari itu sahaja sekurang-kurangnya 81 orang yang mati dan beratus-ratus orang yang cedera.

Undang-undang darurat diumumkan di Seoul dan lima buah kota-kota yang lain di Korea Selatan, berhubung dengan tunjuk-tunjuk perasaan menyanggah pemilihan-pemilihan umum nasional yang dilaksanakan pada bulan yang silam. Tunjuk-tunjuk perasaan ini merebak ke segenap kota di Korea Selatan. Dalam pada itu penangkapan secara besar-besaran dilakukan, sehingga semua rumah-rumah penjara penuh sesak dengan orang-orang tahanan.

Duta Amerika di Korea Selatan mengunjungi *President* Syngman Rhee dan menyatakan kecemasan dan ketidakpuasan hatinya atas kejadian-kejadian yang telah berlaku, pertama atas penembakan-penembakan yang membabi buta atas mahasiswa-mahasiswa itu sehingga mengambil korban sebegitu banyak jiwa dan kedua atas pemilihan-pemilihan umum yang telah berlaku pada bulan yang silam, yang menyebabkan rakyat tak bersenang hati dan menyebabkan pemberontakan-pemberontakan itu.

Dalam pada itu kekacauan-kekacauan terus juga berlaku dan penembakan-penembakan dan penangkapan-penangkapan terus juga berjalan. Pemberontak-pemberontak membakar balai-balai polis dan merampas senjata-senjata polis serta membunuh empat orang polis. Pada 20 April sekurang-kurangnya 80 orang pemberontak yang mati terbunuh di seluruh Korea Selatan dan beratus-ratus orang pula yang mendapat luka-luka.

Maka tidak hairanlah kita mendengar berita yang seluruh dunia dan masyarakatnya membantah atas kejadian-kejadian itu kepada pemerintah rasmi Korea Selatan.

Melihat korban-korban yang besar yang telah jatuh itu dan mendengar pendapat-pendapat dunia atas kejadian itu, akhirnya Syngman Rhee bersetuju akan mengadakan pemerintahan yang baharu dan dia bersetuju atas suatu bentuk pemerintahan yang baharu yang akan dikepalai oleh seorang Perdana Menteri. Sehingga waktu itu, Syngman Rhee bertindak sebagai seorang diktator, dialah *president*, dialah Perdana Menteri dan dialah yang menjalankan pemerintahan sebagai kepala dari bahagian ketenteraan dan umum.

Semenjak diumumkannya maksud itu, redalah pemberontakan itu. Mahasiswa-mahasiswa mengambil peranan yang besar untuk mententeramkan keadaan kembali dan untuk mengamankan semangat fikiran rakyat. Mereka, sambil

mengenderai *tank-tank* tentera, mengumumkan dengan alat-alat pembesar suara, bahawa kemahuan rakyat telah ditaati *President*, bahawa akan diadakan pemilihan baharu, bahawa rakyat telah menang dalam perjuangannya dan oleh sebab itu keadaan mestilah aman kembali.

Kecemasan Amerika Syarikat melihat kejadian-kejadian yang berlaku di Korea Selatan itu, sebahagian besarnya adalah disebabkan kekhuatirannya yang peristiwa itu akan menjadi suatu peristiwa internasional. Pembunuhan-pembunuhan yang dilaksanakan oleh polis atas mahasiswa-mahasiswa adalah lebih kejam lagi daripada apa yang telah berlaku pada bulan yang silam di Afrika Selatan. Dan tambahan pula Amerika khuatir yang Korea Utara akan campur tangan pula membantu saudara-saudaranya di Korea Selatan dan akan sama membuat propaganda anti-Amerika dan pro-komunis, yang mana hal ini dapat menimbulkan pula kejadian-kejadian sulit dalam dunia internasional dan dapat mengakibatkan

perang dunia. Maka tidaklah hairan kita, yang Amerika terus mendesak kepada Syngman Rhee, dan akhirnya di dalam bulan April itu juga Syngman Rhee meletakkan jawatannya sebagai *president*, dan untuk sementara sehingga pemilihan baharu yang menggantikan sebagai *president* ialah Heo Jeong, bekas Datuk Bandar kota Seoul, yang telah diangkat oleh sidang Dewan Rakyat menjadi Menteri Luar Negeri. Dalam peraturan undang-undang Korea, Menteri Luar Negeri menjawat pangkat *president*, kalau *president* dan Naib *President* tidak ada. Naib *president*, Myon Chang, dari Parti Demokrat, telah menarik diri seminggu dahulu, kerana kesal hati atas tindakan Parti Liberal, yang diketuai oleh Syngman Rhee, atas pembunuhan-pembunuhan yang dilakukan di Korea Selatan itu. Juga Lee Ki Poong, tangan kanan dari Syngman Rhee dan wakil *president*, telah lebih dahulu menarik diri. Tidak lama dari kejadian ini Lee Ki

### ***31 orang utusan dari Forum***

***Akhbar New York Herald Tribune***

***1960, baharu-baharu ini telah berkunjung selama 8 hari di Afrika Barat ini, setelah mereka selama 3 bulan tinggal di Amerika Syarikat. Pelajar-pelajar sekolah Menengah itu menemui Perdana Menteri Ghana, Tuan Nkrumah, mengadakan perbincangan-perbincangan forum dengan mahasiswa Ghana, dan mengunjungi tempat-tempat yang menarik perhatian di negara itu.***

***Ismail bin Ibrahim, utusan***

***Persekutuan Tanah Melayu (yang berdiri tegak nombor 4 dari kanan) ke forum pemuda New York Herald Tribune itu, kelihatan di sini memeriksa benda-benda buatan tangan Ghana.***



Poong dibunuh oleh anaknya sendiri yang bernama Lee Kang Seok. Bersama dengan bapanya itu dibunuhnya juga ibunya dan seorang saudaranya, kemudian ia membunuh dirinya sendiri. Lee Kang Seok adalah anak angkat dari Syngman Rhee. Anak muda itu berpendapat, bahawa kesalahan-kesalahan yang besar telah diperbuat oleh orang tuanya, dialah yang bertanggungjawab atas peristiwa Korea Selatan itu dan oleh sebab itu dia mesti dimusnahkan.

Syngman Rhee tamat riwayatnya sebagai *President*.

Ia menjadi seorang warganegara biasa, memelihara bunga-bunga di luar kota. Keberhentiannya itu meminta korban 20 orang yang mati dan hampir delapan ratus orang yang cedera. Sekarang, sesudah cukup tua dan berumur 85 tahun, rakyat sudah cukup puas

mengalami kediktatorannya dan tidak menginginkan pemerintahannya lagi, suatu pemerintahan, di mana parti saingannya dan rakyat tidak bebas bersuara, di mana korupsi penuh bermaharajalela di kalangan pemerintah yang dipimpin oleh Parti Liberal, di mana segala pemilihan-pemilihan umum dipalsukan, sehingga semua pemilihan-pemilihan itu membawa kemenangan bagi Parti Liberal, yakni parti yang diketuai oleh Syngman Rhee. Bekas Menteri Dalam Negeri, Choi In-Kyu, yang sekarang mendekam dalam penjara, telah mengakui sendiri, bahawa dialah yang memerintahkan supaya semua pemilihan-pemilihan umum itu dipalsukan, supaya Syngman Rhee dan Lee Ki Poong dapat kembali terpilih sebagai *president* dan wakil *president* pada bulan yang silam . . .

Sekarang keadaan di Korea Selatan telah aman kembali. Pemilihan-pemilihan raya akan dilaksanakan tak lama lagi. Pemerintah dan *president* yang baharu akan dipilih lagi oleh rakyat. Dapatkah negara yang selalu bergolak semenjak zaman purba ini akan aman dan tenteram? Marilah sama-sama kita perhatikan.

Hanya ada satu hal lagi di sini yang perlu saya gariskan: Kejadian-kejadian di Korea itu memberi kepada kita beberapa pelajaran. Pertama: Rakyat tidak lagi dapat dinipu. Kedua: Pemerintahan yang tidak bersifat demokratis tidak kekal. Ketiga: Pemuda-pemuda adalah harapan dan jiwa bangsa. Keempat: Juga dengan tidak mempunyai senjata, tetapi dengan seia sekata, rakyat juga dapat bertindak menumbangkan pemerintahan. Kelima: Kalau sesuatu pemerintahan itu sudah kejam benar lakunya terhadap rakyat dan menghimpitnya benar-benar, maka rakyat itu akan bangun dan melawan.

Camkanlah, wahai kamu negara-negara dunia!

**Sudah terbit!                      Bilangan Kedua!**

# Puspa Ragam

- \*Ragam sehari-hari (Arab Street)
- \*Cahaya hidup yang malap (Cerita Pendek)
- \*Parajurit yang Pulang (Cerita Pendek)
- \*Khairil Cisman (Apa dan Siapa)
- \*Peraduan Cerita Pendek

(Dewan Bahasa dan Pustaka)

\*Soal Filem serta bintangnya  
dan berbagai-bagai isi lainnya lagi.

Harga senaskhah 50 sen.

Penerbitnya: Qalam

356/8 Geylang Road, Singapura, 14.